

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 06:
NOVEMBER & DISEMBER 2021



MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS RENANG UTHM.

15 SEPTEMBER 2021

YBhg. Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengurus Lembaga Pengarah UTHM telah meluangkan masa bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Kompleks Renang UTHM.

Upacara perasmian anjuran Pusat Sukan Universiti (PSU) ini turut menerima kehadiran YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly, Naib Canselor UTHM, Timbalan-timbalan Naib Canselor UTHM dan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti.

Kompleks Renang UTHM ini mampu menampung kira-kira 300 orang dalam satu-satu masa. Kolam renang ini akan dibuka kepada semua warga universiti dan orang awam.



WEBINAR FITNESS VS NETBALL MENJELANG ENDEMIK COVID-19

20 NOVEMBER 2021

Webinar Fitness Vs Netball Menjelang Endemik Covid-19 telah berlangsung pada 20/11/2021 bersama panel jemputan, Cik Noor Azilah binti Aziz, Atlet Bola Jaring Kebangsaan. Terima kasih diucapkan kepada Cik Noor Azilah atas ilmu bermanfaat yang diberikan semasa webinar. Selain itu, Majlis Penutupan Program UTHM Panthera Tiktok Challenge 2021 juga telah dijalankan sebaik sahaja selesai sesi webinar. Tahniah dan ribuan terima kasih diucapkan pada semua yang telah menyertai dan menjayakan program ini.



PERSIAPAN BAGI SEWAAN FASILITI

08 DISEMBER 2021

Persiapan fasiliti sukan bagi sewaan dan kegunaan warga universiti. Fokus diberikan kepada kerja-kerja pemotongan rumput di sekitar kawasan gelanggang hoki dan gelanggang serbaguna.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

07 NOVEMBER 2021


Tahniah diucapkan kepada staf Pusat Sukan Universiti, Encik Yazid bin Abu Talib di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Encik Zulkifli bin Harun di atas Anugerah Khas Panel Pembangunan Sumber Manusia dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 (APC) yang telah berlangsung pada 07 November 2021 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim UTHM.



UJIAN KECERGASAN BAGI PENJAWATAN KP 11 DAN KP 19

25 NOVEMBER 2021

Pusat Sukan Universiti telah diberikan tanggungjawab dari Pejabat Pendaftar bagi menguruskan Ujian Kecergasan Gred KP19 dan KP11 bagi mengisi kekosongan penjawatan di Bahagian Keselamatan Pejabat Pendaftar UTHM.



MAJLIS MENANDATANGANI KONTRAK PEMAIN KPT-PST MUSTANGS

15 NOVEMBER 2021

Dua atlet Futsal UTHM, Saudara Eazlan Syaqirin & Saudara Muhammad Arif Roslan telah menghadiri Majlis menandatangani kontrak pemain KPT- PST MUSTANGS yang berlangsung pd 15hb December 2021 IIUM Kuantan. Seramai 23 orang pemain terbaik di IPT telah terpilih ke Kejohanan Malaysia Premier Futsal League 2022 (MPFL).





BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 06:
NOVEMBER & DISEMBER 2021



PROGRAM OUTREACH 2021 ZON SELATAN

18 HINGGA 19 DISEMBER 2021

Program Outreach 2021 Zon Selatan telah berlangsung pada 18 Disember 2021 hingga 19 Disember 2021 bertempat di Dewan Orang Ramai Sri Medan. Pusat Sukan Universiti telah diberikan tugas bagi menguruskan Program Senamrobik dan Kayuhan Santai. Program ini telah mendapat kerjasama daripada komuniti setempat dan berlangsung dengan jayanya.

BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN PSU

09 HINGGA 11 DISEMBER 2021

Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Pusat Sukan Universiti telah diadakan di Hotel Sri Malaysia, Ayer Keroh Melaka. Bengkel telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Arif bin Agam, Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar, UTHM selaku wakil rasmi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.




POSTER-POSTER



POSTER-POSTER



POSTER-POSTER



POSTER-POSTER



If my mind can conceive it and my heart can believe it, then i can achieve it - Muhammad Ali